



**Insiden Tembakan Lelasan.** Terdapat beberapa faktor yang menyumbang

Butiran Insiden	Analisis insiden /langkah-langkah kawalan / penyelesaian yang mungkin
<p>Juruteknik capaian tali berdiri di atas alur berbentuk I, sedang menjalankan tembakan lelasan. Dia dipasangkan dengan anduh bersimpul di alur berbentuk I tersebut pada paras bahu. Ini tidak cukup kuat untuk menahan posisi kedudukannya. Dia hilang keseimbangan dan terjatuh ke hadapan dengan melepaskan tali mati. Ketika dia mendepakan tangannya untuk menahan diri daripada terjatuh ke hadapan, dia lengannya tercedera dengan sisa tekanan di dalam sistem.</p>	<p>Latihan sebelum bekerja adalah perlu dalam pencegahan dan teknik untuk menangani bahaya tambahan menggunakan alat bertekanan tinggi apabila berkaitan dengan capaian tali, menjangkau tahap piawai keselamatan bagi tembakan atas tanah.</p> <p>Jangan bergantung kepada keupayaan diri untuk mengekalkan keseimbangan; kaki hendaklah digunakan hanya untuk menstabilkan kedudukan. Untuk mengatasi tenaga reaktif, tali penambat tambahan perlu digunakan untuk menegangkan juruteknik di kedudukannya, selain daripada disokong dengan rembat secukupnya. Alat posisi kerja jenis ahli potong pulih pokok dengan tali berteraskan keluli mungkin membantu kedudukan badan. Tali teras [kabel keluli] dengan kekenduran minima kepada tali keselamatan berasingan dan / atau pada struktur tersebut adalah perlu sekiranya berlaku kerosakan kepada elemen tekstil pada sistem penggantungan tersebut.</p>
<p>Sut tersebut mempunyai gelang ibu jari yang rosak, membolehkan lengan baju disinsing ke atas tanpa halangan. Sarung gauntlet letupan telah diubah suai dengan memotong lubang melalui bahagian atas untuk membolehkan karabiner menyambung kepada gelang gear, memandangkan ia perlu kerap ditanggalkan dan dipasang semula semasa operasi memanjat dan meledak. Kerosakan ledakan utama adalah di bahagian sarung gauntlet yg diubah suai. Dia memiliki sarung tangan lain untuk dipakai semasa dia menjalankan olah gerak capaian tali.</p>	<p>PPE yang disediakan untuk juruteknik capaian tali tiada bezanya daripada PPE yang disediakan semasa letupan atas tanah. Pihak syarikat sedang membentuk sut baru dengan penyambung helmet untuk membantu mengatasi masalah ini.</p> <p>Gelung elastik ibu jari telah diputuskan untuk membolehkan lengan baju disinsing jauh dari sarung gauntlet.</p> <p>PPE tidak sepatutnya diubah suai; dalam kes ini, ia mungkin telah mengurangkan perlindungan yang diberikan.</p> <p>Sudah menjadi amalan biasa untuk melekatkan lengan baju pada sarung tangan dan baju luar kepada kasut but untuk mencegah pendedahan anggota badan secara tidak sengaja.</p>
<p>Tenaga kerja dan Wakil luar pesisir dimiliki oleh sebuah syarikat manakala penyelia serta peralatan disediakan oleh syarikat lain. Rujukan pada permit menunjukkan pelbagai prosedur telah digunakan. Ini menyebabkan kekeliruan ke atas kedua-dua bahagian penilaian risiko kerja tersebut dan juga ke atas pemahaman umum prosedur daripada dua syarikat yang berbeza.</p>	<p>Operasi bersama melibatkan lebih daripada satu prosedur syarikat seharusnya diperjelaskan di peringkat perancangan dan satu prosedur bersama dipersetujui sebelum kerja dimulakan.</p>

**Rujukan:**

**Semburan pelepas: Tataamalan 2004** Queensland, Australia. <http://www.deir.qld.gov.au/workplace/law/codes/abrasiveblast/index.htm>

**Piawaian Pelatih Penembak/Latihan Pengecat OPITO:** [http://www.opito.com/library/industry\\_training\\_standards/blasterPainter\\_training\\_standard.pdf](http://www.opito.com/library/industry_training_standards/blasterPainter_training_standard.pdf)